



AL-HUDA

الهدى

NASKAH PERCUMA

Keluaran 16. Bil. 2/2020

Hukum menghantar makanan atau barang-barang yang tidak halal?



Ruangan Tokoh 

TUAN HAJI

A. RHAFOR BIN HAJI MAHMUD

(Ahli Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang 2016-2019)





Fakhurrrazi bin Md Mahdzir
 Penolong Mufti Kanan (Rujukan Maklumat)
 fakhurrrazi_mahdzir@penang.gov.my

Pena Editor

Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah ﷻ atas segala nikmat yang diberikan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad ﷺ yang telah membantu membimbing umat manusia mengimani Tuhan yang esa.

Setinggi kesyukuran dizahirkan, atas penerbitan Buletin al-Huda pada kali ini, melengkapi perancangan yang disusun. Apatah lagi dalam situasi semasa yang masih diselubungi dengan Covid-19, segala aktiviti yang dijadualkan perlu disusun atur semula agar dapat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.

Al-Huda, masih mengekalkan konsep yang sedia ada dengan paparan berita-berita aktiviti JMNPP serta disulami bersama penulisan ilmiah untuk menambahkan pengetahuan berkaitan soal-soal akhlak, akidah mahupun ibadah.

Pada kali ini, Al-Huda memberikan tumpuan berkaitan halal dan haram. Persoalan halal dan haram ini amat luas skop perbincangannya. Ia bukan sekadar soal makanan dan minum sahaja, tetapi ia merangkumi juga soal budaya, pekerjaan dan sebagainya. Halal dan haram, khususnya dalam soal makanan dan minuman memang amat diberikan perhatian dalam masyarakat kerana ia melibat sesuatu yang akan masuk ke dalam tubuh badan kita.

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud, **“Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya”**.
 (Riwayat at-Tirmizi)

Sudah tentu kita amat bimbang jika sesuatu yang haram itu membesar bersama dengan perkembangan diri kita. Apatah lagi apabila mengetahui akibat daripada mengambil sumber yang haram maka nerakalah tempatnya sebagaimana yang difahami daripada hadis di atas.

Gaya hidup halal merupakan tatacara hidup yang berteraskan kepada akidah, syariah dan akhlak. Akidah ialah kepercayaan terhadap Allah ﷻ dan juga Rasul ﷺ yang akan membentuk manusia mengikut syariat Islam. Syariat pula merupakan prinsip-prinsip Islam yang dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis. Daripada syariah ini pula akan mempengaruhi kepada akhlak.

Diharapkan dengan sedikit perkongsian dalam Al-Huda pada terbitan ini dapat memberi manfaat kepada pembaca sekalian dalam usaha kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita pada Allah ﷻ. Semoga kita semua sentiasa mendapat perlindungan dari Allah ﷻ dan dijauhkan dari kemudaratan.

Kandungan AL-HUDA

- 2 Pena Editor
- 3 Bicara Mufti
- 5 Fokus:
Jauhi Perkara Haram Dalam Perniagaan
- 7 Warta Kerajaan:
Fatwa Mengenai Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal
- 9 Al-Quran/Falak:
Bulan: Pengamatan Lebih Mendalam
- 10 Lensa Al-Huda
- 12 Tokoh:
Tuan Haji A. Rhaffor Bin Haji Mahmod
- 14 Aktiviti Jabatan
- 17 Berita Jabatan
- 19 Kemusykilan Agama
- 20 Pentadbiran

Sidang Redaksi

PENAUNG
 Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
 (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT
 Haji Yusoff bin Haji Abu Bakar
 (Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR
 Fakhurrrazi bin Md. Mahdzir

PENOLONG KETUA EDITOR
 Fairus Ain binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR
 Dr.Mohammad Zaki bin Hj.Abdul Halim
 Muhammad Haniff bin Baderun
 Mohd Rizuan bin Idrus

FOTOGRAFI
 Siti Asmah binti Abdul Manap



Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
wansalim@penang.gov.my

Manusia adalah sebaik-baik kejadian yang diciptakan oleh Allah ﷻ. Keistimewaan dan kelebihan manusia berbanding dengan makhluk yang lain ialah dikurniakan akal. Maka dengan akal yang dikurniakan manusia dapat menemui pelbagai rahsia alam di sekelilingnya serta memanfaatkan sumber-sumber tersebut untuk kemudahan dan keselesaan hidup.

Bagi membantu manusia menggunakan akal yang dikurniakan dengan betul, lalu Allah ﷻ mengutus para rasul. Melalui para rasul ini diberikan wahyu agar dapat memandu dan membimbing manusia ke arah matlamat hidup yang sebenar. Setiap rasul yang membawa syariat Allah ﷻ kepada umat masing-masing bersesuaian dengan zaman mereka. Kita umat di zaman ini, merupakan pengikut syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ iaitu agama Islam.

Islam merupakan agama yang syumul mencakupi seluruh aspek yang diperlukan oleh manusia meliputi akidah, ibadah, muamalah, munakahat, jenayah dan akhlak. Dengan erti kata lain agama Islam telah menentukan hukum, undang-undang dan peraturan terhadap semua perkara yang menyentuh perbuatan dan kehidupan manusia. Matlamat pensyariatan hukum Islam ini adalah bertujuan untuk meraikan kehidupan manusia seagat.

Sebarang penyimpangan daripada apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah ﷺ akan mengakibatkan kesan negatif dalam kehidupan masyarakat Islam. Umat Islam ditegah sama sekali mengikut peraturan dan cara hidup agama lain. Al-Quran dan Sunnah merupakan panduan utama yang membimbing umat Islam. Segala yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah merupakan sumber perundangan dan peraturan dalam Islam.

Mencari yang halal

Asas kepada hukum di dalam Islam itu tidak terlepas kepada lima perkara iaitu halal, haram, sunat, harus dan makruh. Mencari sesuatu yang halal itu adalah wajib bagi umat Islam sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

“Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim”.

(Riwayat al-Tabarani)

Bagi perkara yang halal, secara mutlak kita dituntut mencarinya sebagaimana dijelaskan melalui hadis di atas manakala bagi perkara yang haram secara mutlak dituntut untuk meninggalkannya dan bagi perkara syubhah pula amat perlu dijauhinya. Penetapan konsep halal dan haram sangat jelas di dalam Islam.

Memetik sabda Nabi ﷺ yang bermaksud:

“Sesungguhnya halal itu jelas dan sesungguhnya haram itu jelas dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang samar (syubhah) yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Barang siapa yang mengelakkan dirinya daripada perkara yang samar bermakna dia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Barang siapa yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang samar maka dia terjerumus di dalam perkara yang haram...”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Persoalan halal dan haram merupakan suatu perkara yang amat besar dalam kehidupan umat Islam. Ini kerana ia saling berhubung kait antara tuntutan harian dengan amal ibadah. Sebenarnya, apabila seseorang Muslim membicarakan mengenai halal dan haram, maka ia membuktikan akan keprihatinan terhadap hukum dan tuntutan syariat.

Halal dan haram bukan sekadar makan dan minum sahaja, tetapi ia merangkumi pelbagai sudut perbincangan seperti budaya, gaya hidup, pekerjaan, barangan dan lain-lain. Kurangnya keprihatinan Muslim ke atas persoalan halal dan

haram ini menandakan betapa tipisnya iman seseorang itu. Muslim yang peka juga agak mengelakkan diri daripada perkara yang *mutasyabihat* (samar).

Sumber yang haram

Baru-baru ini, menjadi antara berita utama di akhbar tempatan ialah kegiatan *Macau Scam* atau pengubahan wang haram. Mendengarkan perkataan haram itu sahaja kita dapat memberikan suatu gambaran bahawa aktiviti itu adalah suatu yang bersalahan dengan syarak. Menjadi tanggungjawab kita untuk menjauhi sumber-sumber rezeki yang haram ini. Hal ini kerana apa yang membawa kepada perkara yang haram, hukumnya adalah haram. Dalam isu ini, mereka yang terlibat mendapatkan hasil dengan cara penipuan serta menindas orang lain.

Firman Allah ﷻ yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang batil (yang salah menurut syarak) dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”
(Surah al-Baqarah: 188)

Ayat di atas memberikan peringatan supaya kita mendapatkan rezeki daripada sumber yang halal. Dalam Islam tidak membenarkan prinsip ‘matlamat menghalalkan cara’, sebaliknya setiap yang baik itu hendaklah dicapai dengan cara yang baik. Untuk mendapatkan keberkatan rezeki itu, maka haruslah datang dari jalan yang dibenarkan oleh syarak.

Daripada sumber yang halal akan membentuk diri dan keturunan yang baik. Jika sumber yang tidak halal sudah tentu akan memberikan implikasi yang tidak baik kepada perkembangan manusia.

Antaranya ialah doa yang dipohon tidak mendapat perhatian daripada Allah ﷻ. Ini dapat kita rujuk dalam sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

Ibnu Abbas berkata bahawa Saad bin Abi Waqas berkata kepada Nabi Muhammad ﷺ: “Wahai Rasulullah! Doakanlah untukku supaya menjadi orang yang diterima doa-doanya oleh Allah ﷻ.” Lalu Rasulullah ﷺ menjawab: “Wahai Saad, perelokkanlah makanan kamu nescaya akan diterima doa kamu, demi Tuhan yang diri

Muhammad berada di tangan-Nya, bahawa seorang hamba yang memasukkan sesuap makanan yang haram ke dalam rongganya, nescaya tidak akan diterima amalannya selama 40 hari”.

(Riwayat at-Tabarani)

Rumusan

Sudah jelas kepada kita, ajaran Islam itu lengkap dan menyeluruh kerana ia merangkumi pelbagai sudut kehidupan dan saling berkaitan antara satu sama lain. Ibadah yang sempurna akan terhasil bila mana tubuh kita menerima sumber yang halal. Ibadah bukan sekadar perbuatan ritual sahaja, tetapi ia merangkumi segala tindakan kita yang ikhlas dan diniatkan kerana Allah ﷻ. Menurut al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* bahawa pahala ibadah akan hilang dengan makanan haram kerana makanan halal adalah asas segala ibadah.

Seberapa banyak pun rezeki yang kita cari dan perolehi di dunia ini tidaklah menjadi larangan di dalam Islam asalkan ia tidak melanggar larangan-larangan Allah ﷻ, disamping itu tidak pula meninggalkan kewajipan yang difardhukan. Rezeki yang diperolehi adalah hak Allah ﷻ dan Allah ﷻ yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya mengikut aturan yang telah ditetapkan. Oleh itu, seseorang yang mencari rezeki itu hendaklah berniat untuk memelihara agamanya untuk mencukupi dirinya supaya tidak meminta-minta kepada orang lain dan untuk mendapatkan rezeki ahli rumah tangganya kemudian jika ada lebih disedekahkan pula kepada orang-orang yang berhajat.

Semua pekerjaan yang kita ceburi di dunia ini sama ada kita sebagai penjawat awam, pekerja di sektor swasta, buruh, petani, nelayan, atau peniaga, hendaknya memastikan rezeki yang kita perolehi daripada sumber yang halal. Setiap rezeki yang kita perolehi dari jalan yang salah ataupun bercampur antara yang halal dengan yang haram akan memberi kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah ﷻ.



Dr. Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim
 Penolong Mufti Kanan (Buhuth)
 zakihalim@penang.gov.my

JAUHI PERKARA HARAM DALAM PERNIAGAAN



Perniagaan merupakan mekanisme untuk manusia mendapatkan harta dan barangan yang diinginkan. Kehidupan manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Melalui pensyariatannya, manusia boleh memenuhi fitrah tersebut bagi melengkapi kitaran kehidupan di dunia ini meliputi keperluan dan tuntutan individu, masyarakat serta negara.

Islam meletakkan aktiviti perniagaan sebagai suatu amalan yang sangat mulia. Ia merupakan ibadah dan juga sunnah Rasulullah ﷺ. Bagi yang melaksanakan aktiviti perniagaan ini secara amanah dan jujur, mereka turut dijanjikan balasan syurga dan akan bersama-sama para nabi, orang soleh dan syuhada' di sana nanti. Namun demikian, sekiranya perniagaan itu dilakukan di luar batasan syariat Islam, maka ia tidak lagi dianggap ibadah akan tetapi aktiviti tersebut boleh mendatangkan kebinasaan baik di dunia dan akhirat.

Perkara yang Diharamkan dalam Perniagaan.

Sungguhpun aktiviti perniagaan digalakkan dalam Islam, namun ia tidak bermakna manusia bebas menentukan tatacara perniagaan tanpa ada prasyarat yang mesti dipatuhi. Bagi menjamin kemaslahatan supaya dapat dijaga dan terpelihara, Islam telah mengharamkan beberapa perkara dalam aktiviti perniagaan. Antara perkara yang dilarang dan diharamkan dalam aktiviti perniagaan ialah:

1 Riba

Semua memahami bahawa riba adalah haram dalam Islam. Orang yang menyatakan riba itu halal, maka dia boleh dikategorikan sebagai kufur dan terkeluar daripada Islam. Ini adalah kerana, riba merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang wajib dielakkan oleh setiap Muslim. Pengharamannya itu secara jelas telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Riba bermaksud *al-ziyadah* (tambahan). Dari sudut bahasa, ia memberi maksud tambahan atau kenaikan. Secara istilahnya pula, bermaksud penambahan nilai ke atas sesuatu pinjaman yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman atau dijanjikan oleh penerima pinjaman. Manakala dalam pertukaran sesetengah barangan dan mata wang, ia bermaksud perbezaan nilai akibat kuantiti yang berbeza ataupun perbezaan waktu pertukaran. Dalam surah al-Baqarah, ayat 278-279 dirakamkan bahawa Allah ﷻ dan rasul memerangi pemakan riba.

Firman Allah ﷻ:

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan menjauhi saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman. Jika kamu tidak mahu melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangi kamu (akibatnya kamu tidak akan selamat, dan jika kamu bertaubat (menghentikannya), maka hak kamu (yang

sebenarnya) ialah modal pokok harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak menganiaya (kepada sesiapa), dan kamu juga tidak teraniaya."

(Surah al-Baqarah: 278-279)

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, amalan riba hendaklah dielakkan sepenuhnya. Peniaga yang baik dan diredai Allah ﷻ ialah peniaga yang mampu berniaga dengan berpandukan peruntukan syarak, bebas daripada sebarang bentuk riba sama ada dalam mendapatkan modal, melakukan simpanan, pelaburan dan seumpamanya.

2 Memeras ugut dan mengambil harta dengan cara yang batil

Perbuatan memeras ugut serta tindakan mengambil harta orang lain dengan cara yang batil (salah) adalah haram. Perbuatan sebegini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seumpama mencuri, merompak, menipu, memperdaya, judi dan seumpamanya. Sekiranya seseorang berkeinginan kepada barangan dan sesuatu yang berharga pada milik orang lain, maka dia boleh mendapatkannya melalui cara yang betul dan jujur melalui perniagaan yang menepati syarat-syaratnya. Larangan ini amat jelas sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah ﷻ:

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (menggunakan) harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara rela-merelai di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepada kamu."

(Surah al-Nisa: 29)

Ibnu Kathir dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa, Allah ﷻ melarang hamba-Nya yang beriman daripada memakan harta sesama mereka dengan cara yang batil iaitu dengan pelbagai perbuatan yang tidak syari'e seperti riba, judi dan seumpama dengannya melalui pelbagai jenis helah yang menjuruskan kepada riba.

(Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurasyi al-Dimashqi. Tafsir al-Quran al-'Azim. *Dar Thibah Lil Nashr wa al-Taizi'*. 1999/1420H, jld.2, hlm.268)

3 Menipu dan bersumpah bagi melariskan barangan

Dalam keghairahan mempromosi dan menarik pelanggan, pelbagai cara dan strategi dibuat dengan tujuan melariskan barangan jualan. Sungguhpun perbuatan itu dibolehkan, namun sebagai peniaga yang beriman, sewajarnya mereka tidak alpa dan

lupa bahawa Islam melarang sebarang bentuk penipuan dalam perniagaan. Menipu ialah melakukan suatu helah untuk kepentingan diri sendiri dan memudaratkan orang lain secara zalim.

Termasuk juga dalam perbuatan menipu ialah perbuatan bersumpah dengan nama Allah atas tujuan melariskan barang jualan. Seperti menyatakan: “demi Allah, barang ini adalah paling murah dijual di kota ini dan saya hanya menjual harga modal sahaja.” Sedangkan hakikat yang sebenar adalah sebaliknya.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah ﷺ telah melalui setimbun makanan (yang dijual), seraya baginda ﷺ memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan tersebut dan mendapati jari-jemarinya basah. Rasulullah ﷺ bersabda, apakah semua ini wahai pemilik makanan? Lelaki itu menjawab: makanan ini telah ditimpa hujan wahai Rasulullah ﷺ. Lantas Rasulullah ﷺ bersabda: Kenapa tidak kamu jadikan yang basah itu di sebelah atas makanan agar manusia dapat melihatnya? Barang siapa yang menipu maka ia bukan daripada ajaran agamaku (yang sempurna).

(Riwayat Muslim)

Dalam sebuah hadis yang lain pula, Abi Qatadah al-Anshari meriwayatkan bahawa sesungguhnya dia telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: “Awas kamu dari banyak bersumpah dalam berniaga. Sesungguhnya (kadang kala) banyak bersumpah dalam berniaga boleh melariskan barangan akan tetapi selepas itu ia akan menghilangkan barakahnya.”

(Riwayat Muslim)

Berpandukan kepada dua hadis ini, sebagai peniaga yang beriman dan berpegang teguh kepada ajaran agama ia hendaklah mengelak daripada sebarang bentuk penipuan dan banyak bersumpah dalam kehairahan melariskan barangan jualan dan mendapat keuntungan daripadanya.

4 Memonopoli barangan (ihtikar)

Perbuatan memonopoli barangan keperluan awam juga adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam. Monopoli barangan keperluan seperti gula, beras, minyak dan seumpamanya biasanya dilakukan oleh para peniaga agar barangan keperluan berkurangan di pasaran. Hasilnya, harga barangan tersebut dapat dinaikkan dan boleh dijual dengan lebih mahal. Dengan itu, peniaga akan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Perbuatan terkutuk ini adalah dilarang dalam Islam kerana ia menyebabkan kemudaratkan dan kesulitan kepada masyarakat awam, khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan daripada Ma'mar bahawa Rasulullah ﷺ bersabda; “Barang siapa memonopoli barangan (ihtikar) maka dia telah melakukan kesalahan. Yakni dia telah tersasar jauh daripada perkara yang sebenar dan keadilan.”

(Riwayat Muslim)

5 Larangan mengurangkan kadar sukatan dan timbangan

Para peniaga dituntut agar bersikap amanah dan tidak mengaburi mata pelanggan dengan pelbagai helah seperti mengurangkan

kadar timbangan dan sukatan. Perbuatan seumpama ini adalah dilarang dan tercela dalam Islam. Termasuk dalam perkara ini juga ialah perbuatan mengurangkan kualiti dan kuantiti sesuatu barangan.

Perbuatan ini telah ditempelak oleh Allah ﷻ sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-Mutaffifin 1-3, firman Allah ﷻ:

Maksudnya: “Kecelakaan besar bagi orang yang curang (menipu dalam timbangan dan sukatan). Iaitu apabila mereka menerima sukatan daripada orang lain mereka meminta dipenuhi; Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangnya.”

(Surah al-Mutaffifin: 1-3)

6 Larangan membeli barangan yang dicuri, diragut atau dirampas tanpa hak

Sebagaimana dijelaskan bahawa Islam amat menggalakkan sebarang bentuk aktiviti perniagaan. Namun demikian, Islam melarang dan menegah sama sekali sebarang bentuk transaksi jual beli yang melibatkan barangan curi, ragut dan seumpamanya. Ini adalah kerana ia merupakan sebahagian daripada bentuk tolong-menolong kepada dosa dan permusuhan, bukannya kepada kebaikan dan ketakwaan.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Barang siapa membeli barangan curi, sedangkan dia mengetahui barang itu adalah dicuri, maka dia telah berkongsi sama (dengan pencuri) pada aib dan dosanya.”

(Riwayat al-Baihaqi)

Dr. Yusuf al-Qaradawi menyebut: Islam tidak membenarkan seorang muslim membeli sesuatu barang yang dicuri. Jika seseorang itu melakukan perkara tersebut, samalah dia membantu pencuri itu dan seolah-olah dia menggalakkan jenayah berlaku.

(Lihat *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, hlm. 300-301)

Seumpama itulah juga, haram dan berdosa perbuatan menjual apa-apa barangan yang membawa kepada kerosakan akhlak dan membantu kepada tersebar luasnya perkara yang keji dan hina seumpama fitnah dan sebagainya.

7 Haram menjual najis

Telah berlaku ijmak dalam kalangan para fuqaha tentang pengharaman sebarang bentuk perniagaan barangan yang bersifat najis pada zatnya seperti arak, babi, anjing, bangkai dan seumpamanya.

Kesimpulannya, kesemua bentuk larangan dan tegahan yang disebutkan di atas cukup mencerminkan kesempurnaan dan kesyumulan syariat Islam. Setiap perkara yang diharamkan ini adalah perkara yang boleh mendatangkan mudarat dan kesulitan serta menzalimi manusia. Sekiranya semua manusia berpegang teguh dengan ajaran dan panduan Islam, sudah pasti akan mendapat rahmat Allah ﷻ dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
 GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
 PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
14hb Mac 2019
No. 6

No.289.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
 (NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM INDUSTRI
 MAKANAN HALAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:

- i. Asid tartarik yang menggunakan wine-less adalah haram kerana-
 - a) Ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan
 - b) Istihalah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan wine-less tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.
- ii. Asid tartarik yang bukan berasal daripada wine-less adalah dibenarkan.

Bertarikh 20 Disember 2018

[JMNPP /(S)/19/1101/002(33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]


DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR'
 Mufti Kerajaan Negeri



BULAN: PENGAMATAN LEBIH MENDALAM


Bulan adalah objek samawi yang paling dicerap oleh manusia. Malah, kita lebih mengenali bulan berbanding lautan kita sendiri. Semenjak kecil, kita akan mencerap bulan dan bercakap pasal *mare* atau “lautan” bulan yang kelihatan dengan mata kasar. *Mare*, kawasan permukaan bulan yang lebih gelap berbanding kawasan lain adalah kawasan yang dipenuhi *basalt*, yang terbentuk sewaktu bulan masih dalam proses formasi. Kita juga akan memerhatikan fasa-fasa bulan yang berubah dari hari ke hari dan berulang setiap bulan. Fasa-fasa bulan ini terjadi kerana peredaran bulan mengelilingi bumi setiap 27 hari. Sementara bulan beredar, ia berubah posisi dari sudut pandangan bumi dan membuatkan bulan kelihatan berubah-ubah. Namun, terdapat perkara lain tentang bulan yang boleh dicerap yang mungkin anda tidak pernah perasan. Berikut adalah perkara-perkara yang kita boleh amati ketika mencerap dan monitor bulan di langit.

1. Bulan berubah-ubah saiz.



Rajah 1 - Bulan ketika *Perigee* dan *Apogee*.

Bulan kelihatan berbeza-beza saiz kerana jaraknya dari bumi yang berubah-ubah. Ia akan kelihatan lebih besar ketika ia berada lebih hampir daripada bumi dan sebaliknya. Hal ini terjadi kerana bulan mengorbit bumi di atas orbit yang bukan bulat sempurna. Berdasarkan hukum pertama pergerakan planet *Kepler*, setiap objek akan mengorbit pusat gravitinya dalam orbit berbentuk elips (bujur) dengan pusat graviti berada di salah satu titik fokus elips tersebut. Ini bermaksud, bulan mengorbit bumi di atas orbit yang bujur, dan bumi bukan berada di pusat bujur, tetapi berada di salah satu titik fokus bulatan bujur tersebut.



Rajah 2 - Orbit Bulan Tidak Mengikuti Skala untuk Memberi Gambaran Kebujuran Orbit.

Jika kebujuan diukur dalam skala dari sifar sehingga satu, orbit bulan mempunyai kebujuan 0.054. Rajah orbit bulan di atas digembar-gemburkan untuk memberi gambaran kebujuan orbit dan titik-titik penting. Pada hakikatnya, orbit bulan lebih hampir kepada bulatan sempurna dan hanya runcing dengan amat sedikit. Pada jarak antara bumi dan bulan paling dekat, sekitar 356,700 km, titik ini dipanggil titik *perigee* dan titik *apogee* sebaliknya pada jarak sekitar 406,300 km. Pada kedua-dua titik ini, bulan akan menunjukkan perbezaan saiz sehingga 12%.

Fenomena ini akan berlaku setiap bulan. Bulan akan berada di *apogee* dan *perigee* sekali setiap bulan. Namun, perbezaan saiz akan kelihatan lebih jelas jika bulan berada di titik-titik ini sewaktu di dalam fasa bulan penuh. Apabila bulan penuh terjadi sewaktu *perigee*, ia dipanggil fenomena *supermoon*. Kesan perbezaan jarak ini juga mempengaruhi tahap pasang surut air laut di mana ketika di *perigee*, kadar pasang surut akan lebih ekstrem.

2. Bulan terbit pada waktu berbeza setiap hari.

Peredaran bulan mengelilingi bumi dalam tempoh 27 hari boleh dibuktikan dengan pengamatan perubahan fasa-fasa bulan. Selain itu, peredaran ini juga menyebabkan bulan bergerak dengan pantas di atas sfera samawi (langit) berbanding objek lain seperti bintang dan planet. Hal ini bermaksud, selain bergerak dari ufuk timur ke barat setiap hari disebabkan oleh putaran bumi, bulan juga berganjak ke timur setiap hari disebabkan oleh peredaran bulan mengelilingi bumi.




Rajah 3 - Bulan Menghijab Bintang HD 194213 Ketika Gerhana Bulan Julai 2018, Dirakam dari PFST.

Jika bulan beredar mengelilingi bumi (360°) ke arah timur dalam masa 27 hari, ia akan kelihatan bergerak di atas langit lebih kurang 130° ke timur setiap hari. Ini bermakna, bulan akan terbit sekitar 51 minit lebih lambat berbanding hari sebelumnya kerana ia perlu bergerak tambahan 130° untuk berada di atas ufuk timur seperti hari sebelumnya. Pergerakan bulan yang kecil ini boleh dilihat melalui teleskop dan fenomena penghijaban bintang atau penghijaban planet. Penghijaban ini terjadi apabila melintasi objek yang kecil dan terjadi disebabkan peredaran bulan di atas

sfera samawi. Melalui teleskop, peredaran bulan kelihatan sekitar 0.5° ke timur setiap jam. Jika bulan tidak beredar mengelilingi bumi, ia akan bergerak seiring dengan bintang-bintang namun sebaliknya, fenomena penghijaban bintang oleh bulan akan terjadi setiap masa setiap malam. Kesimpulannya, bulan akan terbit serentak dengan matahari setiap 1 hari bulan kalendar Hijri dan terbit 51 minit lambat setiap hari sehingga kembali serentak dengan matahari pada 1 hari bulan berikutnya.


3. Bulan tidak sentiasa terbit di Timur.

Bulan dan setiap objek samawi akan sentiasa terbit di ufuk timur kerana langit terbit dan terbenam kerana bumi yang berputar dari barat ke timur. Namun, jika kita mengawas bulan tidak seperti bintang-bintang, ia tidak hanya terbit tepat di titik timur. Sebaliknya, ia akan terbit dalam julat 30° utara-selatan dari arah timur. Hal ini terjadi kerana paksi putaran bumi yang senget.



Rajah 4 - Satah Relatif Orbit Bumi dan Bulan.

Paksi bumi yang senget membuatkan matahari untuk terbit di titik-titik berbeza di ufuk timur dalam julat 23.5° utara-selatan. Matahari akan terbit di titik paling utara (23.5° ke arah utara dari titik timur) pada hari solstis musim panas dalam bulan Jun dan sebaliknya pada solstis musim sejuk dalam Disember. Matahari akan terbit tepat di titik timur pada hari ekuinoks musim luruh dan ekuinoks musim bunga dalam September dan Mac. Oleh kerana satah orbit bulan senget 5° dari satah khatulistiwa bumi, kesan ini makin bertambah untuk bulan. Perbincangan ini juga sah untuk ketika bulan terbenam di ufuk barat. Fenomena ini boleh dibuktikan dengan memerhati bulan terbit setiap hari untuk sebulan. Ditambah dengan kesan peredaran bulan di atas orbitnya, jika bulan dicerap setiap hari pada waktu yang sama, ia akan beranjak dan menghasilkan angka lapan seperti rajah di bawah:




Rajah 5 - Analemma Bulan Diambil oleh György Soponyai. Sumber: Flickr

4. Bulan sentiasa menunjukkan kita sisi yang sama.



Rajah 6 - Fasa-Fasa Bulan Berbeza dengan Sisi Bulan yang Sama. Sumber Pixy.org

Walaupun bulan berubah-ubah fasa, ia akan sentiasa menunjukkan sisi yang sama. Hal ini membuatkan kita menggelar sisi yang menghadap bumi sebagai sisi dekat dan sebaliknya, sisi jauh. Berlawanan dengan kepercayaan umum, hal ini terjadi kerana putaran bulan di atas paksinya mempunyai tempoh yang sama seperti peredarannya mengelilingi bumi; 27 hari seperti disimulasi dalam rajah di bawah. Setiap kali bulan membuat peredaran lengkap mengelilingi bumi, ia juga membuat putaran lengkap di atas paksinya. Jika bulan tidak berputar langsung, kita akan boleh melihat setiap sisi bulan sementara ia membuat peredaran mengelilingi bumi. Sebaliknya, bulan membuat suku putaran sementara ia bergerak suku orbitnya. Fenomena ini terjadi kerana bulan kini berada di orbit yang dipanggil "tidally locked" di mana ia akan sentiasa menghadap bumi pada sisi yang sama kerana tempoh orbit dan tempoh putaran yang selaras.



Rajah 7 - Kadar dan Putaran dan Peredaran Bulan yang Tepat Perlu untuk Menyamai Pemerhatian dari Bumi.

Bulan adalah objek samawi yang menarik dan kita tidak akan penat untuk mencerapnya. Walaupun kita sudah mengetahui banyak perkara tentang bulan, pemerhatian pergerakan dan perubahan bulan masih diteruskan kerana sentiasa ada perkara baharu yang akan kita pelajari. Sehingga hari ini, kajian tentang bulan masih relevan dan ia akan berkekalan relevan untuk masa akan datang, terutamanya dalam bidang pengembaraan angkasa.



Siti Asmah binti Abdul Manap
 Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
 siti.asmah@penang.gov.my



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2020
 Hotel Ixora, Perai | 17 & 18 Jun 2020



Sesi Cerapan Gerhana Matahari Separa Tahun 2020
 PFST | 21 Jun 2020



Bengkel Semakan Hujung Waktu Solat Pulau Pinang Tahun
 1442H/2020M | Penang Digital Library | 25 Jun 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020
 Hotel Sentral Seaview | 1-2 Julai 2020



Pempesahan Arah Kiblat Bil. 46/2020
 Han Chiang College | 21 Julai 2020



Majlis Cerapan Rasmi Hital Zulhijah 1441H
 PFST | 21 Julai 2020



Program Daurah Kitab Miftah Al-Munir oleh Tuan Haji Ahmad Ridudin bin Haji Abdul Wahab
 Dewan Kuliah, Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) | 28-29 Julai 2020



Penentuan (kalibrasi) alatan ukur - Total Station
 Tapak Kalibrasi EDM JUPEM Pulau Pinang, Padang Polo | 29 Julai 2020



Program Insyad Al-Fatwa
 Masjid Al-Qahhar | 7 Ogos 2020



Kunjung Hormat oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang
 JMNPP | 11 Ogos 2020



Bengkel Semakan Penerbitan Siri 2/2020
 Kompleks Darul Hidayah, Pematang Tok Gelam | 12 Ogos 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2020
 Ixora Hotel, Perai | 18 & 19 Ogos 2020



Program Wacana Falak Tahun 2020
 Digital Library, Pulau Pinang | 18 Ogos 2020





Mohd Rizuan bin Idrus
 Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
 mohdrizuan@penang.gov.my

TUAN HAJI A. RHAFFOR BIN HAJI MAHMUD

Ahli Jawatankuasa
 Fatwa Pulau Pinang
 2016-2019





LATAR BELAKANG

Nama:
Haji A. Rhaffor bin Haji Mahmud
 Tarikh/Tempat Lahir:
20 Oktober 1952 di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
 Nama Isteri:
Siti Salmah binti Haji Salleh
 Bilangan Anak:
Empat (4) orang iaitu (Kauthar, Nuha, Amal dan Widad)

Kembali kerahmatullah pada 3 Ogos 2020 di MK 5, Kubang Semang.

PENDIDIKAN



ANUGERAH KECEMERLANGAN/KETOKOHAN



**Tahun
2017**

Anugerah

Anugerah Khas Tokoh Maal Hijrah 1438H Peringkat USM

**Tahun
2015**

Anugerah

Anugerah Qudwatul Rasul Kategori Kemasyarakatan Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H

**Tahun
2010**

Anugerah

Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

**Tahun
2004**

Anugerah

Anugerah Khidmat Cemerlang

**Tahun
2002**

Anugerah

Sijil Penghargaan Jawatankuasa Pengelola Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-45
Sijil Penghargaan Simposium Kebangsaan Faraid dalam Era Teknologi Maklumat Komunikasi: Pelaksanaan dan Cabaran.

**Tahun
1998**

Anugerah

Anugerah Khidmat Cemerlang

PENULISAN

Tajuk Penerbitan

Guru Pemangkin Penyubur Ilmu Berkualiti
Editor Majalah

Kepimpinan dan Kenegaraan Menurut Perspektif Islam
Editor Buletin Pusat Islam

Israk dan Mikraj: Satu Pengajaran
Editor Khutbah Jumaat

Ilmu Menjana Kekuatan Ummah
Editor Khutbah Jumaat

Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Pusat Islam
Editor Buku



Tajuk Kertas Kerja

Kesempurnaan Ibadah Haji: Satu Tinjauan dari Perspektif Syakhsiah Hubungannya dengan Tahap Keberkesanan Penguatkuasaan Undang-undang

Ukwah di dalam Ibadah Haji

Penubuhan Majlis Hal Ehwal Islam Pusat Islam IPT

Pengurusan Sumber Manusia dalam Konteks Universiti APEX

Fiqh *Muqarrin* dan Kaedah Pengaplikasian Etika Kerja Islam

Peranan Institusi Masjid di IPT

Tatacara Pelaksanaan Ibadah Haji dan Umrah

Ibadah Kurban dari Sudut Syarak



AKTIVITI JABATAN

17-18 Jun 2020	Ixora Hotel Perai Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2020	11 Ogos 2020	Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 6/2020
21 Jun 2020	Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh Pulau Pinang Cerapan Gerhana Matahari Separa 2020	12 Ogos 2020	Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam Bengkel Semakan Penerbitan Siri 2/2020
25 Jun 2020	Penang Digital Library Bengkel Semakan Hitungan Waktu Solat Pulau Pinang	13 Ogos 2020	Masjid Abdullah Fahim Bengkel Semakan Penerbitan Siri 3/2020
1-2 Julai 2020	Hotel Sentral Seaview, Tanjung Tokong Pulau Pinang Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020	14 Ogos 2020	Masjid Jamek Simpang Tiga Tasik Gelugor, Pulau Pinang Irsyad Fatwa Siri 6/2020
1 Julai 2020	Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 4/2020	18 Ogos 2020	Penang Digital Library, Ayer Itam, Pulau Pinang Wacana Falak tahun 2020
14 Julai 2020	Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 5/2020	18-19 Ogos 2020	Hotel Ixora, Perai Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2020
15 Julai 2020	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Semakan Arah Kiblat Sempena Fenomena Istiwa' Adzhom	26 Ogos 2020	Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Jawi Kuliah Tafaqquh Bil.3/2020
24 Julai 2020	Masjid Mak Mandin, Pulau Pinang Irsyad Fatwa Siri 4/2020	11 September 2020	AADK Kampung Selamat Irsyad Fatwa Siri 7/2020
27-28 Julai 2020	Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Kerja Pemuliharaan Manuskrip bagi Tahun 2020	14 September 2020	Pusat Islam USM Induk, Pulau Pinang Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2020 - Modul (I)
28 Julai 2020	Tapak Kalibrasi GNSS JUPEM, Kubang Semang, Bukit Mertajam Penentuan (kalibrasi) Alatan Kiblat GNSS	15 September 2020	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Kuliah Tafaqquh Bil.4/2020
28 Julai 2020	Tapak Kalibrasi EDM JUPEM, Padang Polo, Georgetown Penentuan (kalibrasi) Alatan Ukur	15 September 2020	Pusat Islam USM Induk, Pulau Pinang Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2020 - Modul (II)
28-29 Julai 2020	Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) Perda, Pulau Pinang Daurah Kitab (<i>Miftah al-Murid</i>)	18 September 2020	Pusat Islam USM Induk, P. Pinang & Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh P. Pinang Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2020 - Modul (III)
7 Ogos 2020	Masjid al Qahhar, Permatang Damar Laut Irsyad Fatwa Siri 5/2020	21 September 2020	Pusat Islam USM Induk, Pulau Pinang Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2020 - Modul (IV)



Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof
 Penolong Mufti (Pusat Falak Sheikh Tahir)
 zulhelmi@penang.gov.my

23 September 2020	Pusat Islam USM Induk, Pulau Pinang Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2020 - Modul (V)
24 September 2020	Hotel Empress, Sepang Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (Khas)
25 September 2020	SMKA Al-Irsyad, Pokok Sena, Pulau Pinang Program Pendidikan Falak siri 3/2020 : Bengkel Peta Bintang
29 September 2020	Dewan Seminar, UiTM Pulau Pinang Seminar Kefatwaan Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020
1 Oktober 2020	Bengkel ICT Siri 1/2020 Pejabat Teknologi Maklumat Negeri Pulau Pinang
6-8 Oktober 2020	Resort Klana, Seremban, Negeri Sembilan Munaqasyah Fiqh Falak 2020
9 Oktober 2020	Irsyad Fatwa Siri 8/2020 Institut Pendidikan Guru RESCAM
19 Oktober 2020	Bengkel Semakan Penerbitan Siri 4/2020 Kompleks Darul Hidayah
21 Oktober 2020	SMKA Syeikh Abdullah Fahim, Nibong Tebal, Pulau Pinang Program Pendidikan Falak siri 4/2020 : Taklimat Falak
21-22 Oktober 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Pulau Pinang Hotel Iconic
23 Oktober 2020	Bengkel ICT Siri 2/2020 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
27-28 Oktober 2020	Bengkel OACP dan Pemurnian MyPortfolio JMNPP Hotel Iconic
4 November 2020	Bengkel ICT Siri 3/2020 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
17 November 2020	Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam Bengkel Penilaian & Penggubalan Modul Siri Pengajian Sijil Asas / Lanjutan Falak

CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

21-22 Jun 2020
Cerapan Hilal Zulkaedah 1441H

21 Julai 2020
Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah 1441H

19 Ogos 2020
Cerapan Hilal Muharram 1442H

17-18 September 2020
Cerapan Hilal Safar 1442H

17 Oktober 2020
Cerapan Hilal Rabiulawal 1442H

15-16 November 2020
Cerapan Hilal Rabiulakhir 1442H

LAWATAN KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Tarikh	Agensi-Agensi
22 Jun 2020	Fakulti Pengajian Islam, UKM
19 Julai 2020	Pertubuhan Astronomi Pulau Pinang
29 Ogos 2020	Pertubuhan Astronomi Pulau Pinang
12 September 2020	SMKA Al-Irshad, Pokok Sena
05 Oktober 2020	Persatuan Guru-Guru & Penyelia KAFA Pulau Pinang
14 Oktober 2020	Pusat Pengajian Sains Fizik USM
14 Oktober 2020	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)
20 Oktober 2020	Pusat Pengajian Sains Fizik USM



Saufi bin Redzuan
Pembantu Hal Ehwal Islam
saufiredzuan@penang.gov.my

PENENTUAN / PENGESAHAN ARAH KIBLAT

Tahun
2020

Tarikh	Lokasi Premis / Masjid / Surau
08 Julai	Surau Kampung Aman Hujung (Al-Abrar), Kepala Batas
09 Julai	Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bunga
13 Julai	Masjid Jamek Al-Qadiri Sama Gagah, Permatang Pauh
14 Julai	Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai, Bukit Mertajam
15 Julai	Wang's Herritage Hotel @ Deluxcious, 15, Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown
16 Julai	Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut, Bayan Lepas
20 Julai	Blok 246 Taman Seri Sayang, Tingkat Seri Genting 5, Balik Pulau
21 Julai	Han Chiang University College & Communication, Georgetown
22 Julai	Masjid Tuan Hj. Abdul Samad, Lahar Minyak, Kepala Batas Surau Tuan Hj. Aziz, Kampung Guar Kepah, Kepala Batas
23 Julai	Sekolah Kebangsaan Bertam Putra, Bertam Putra, Kepala Batas
05 Ogos	Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
06 Ogos	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang, Tingkat 4, Kompleks Sempilai Jaya, Seberang Jaya
11 Ogos	Bilik Penginapan The Upper House Hotels, 22a, Jalan Vervea 10, Batu Kawan
13 Ogos	Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya, Jalan Sungai Pinang, Balik Pulau
25 Ogos	Senz Villes, Lot 20330, Lilitan Sungai Ara, Mukim 10
26 Ogos	Masjid Jamek Sungai Puyu, Butterworth
27 Ogos	Masjid Al-Mubarak Permatang Bogak, Penaga Masjid Jamek Perai



Tarikh	Lokasi Premis / Masjid / Surau
03 September	Lot 1557, 1826, 1829, 2457 & 2466 Mukim 6, SPU Setia Fontaines Sdn. Bhd. Bertam Putra
08 September	Utc Pulau Pinang Aras 2, Phase 2b, Komtar
09 September	Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) Kampung Selamat, Tasek Gelugor
10 September	Dufu Industries Sdn. Bhd. Bayan Lepas
22 September	Masjid Al-Qahhar Permatang Damar Laut
28 September	Ozo George Town Penang, Jalan Argy II Dewan Besar Sungai Dua, Tmn Merbau Indah, Butterworth
29 September	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd., Perai
30 September	Sekolah Kebangsaan Batu Lanchang, Jelutong
01 Oktober	Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Bukit Mertajam
06 Oktober	Angsana Telok Bahang
08 Oktober	Balai Rakyat Padang Tembak, Majlis Bandaraya Pulau Pinang
13 Oktober	Balai Rakyat Telok Bahang, Jalan Hassan Abbas, Telok Bahang
14 Oktober	First Logistics Sdn Bhd. Butterworth
19 Oktober	SMK Bukit Gambir, Jalan Bukit Gambir, Gelugor
22 Oktober	Courtyard By Marriott Penang
03 November	Rumah Pangsa Mutiara Indah, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan



Fairus Ain binti Abdul Aziz
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
fairusain@penang.gov.my

Gerhana Matahari Separa

Balik Pulau, 21 Jun 2020 - Sekumpulan 8 orang wakil dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) bersama 7 orang wakil dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Pulau Pinang (JUPEM) berpeluang mencerap fenomena gerhana matahari separa yang berlangsung bermula pada jam 2.30 petang sehingga jam 5.00 petang.

Pencerapan kali ini menggunakan peralatan khas yang disediakan. Sebanyak 3 jenis teleskop digunakan iaitu Celestron, Sky-Watcher dan Orion yang mempunyai keupayaan merakam imej gerhana matahari separa yang berlaku. Rakaman imej dapat dikesan bermula dari sentuhan pertama pada jam 2.36 petang hingga ke sentuhan terakhir pada jam 4.56 petang.

Pemilihan Pantai Acheh sebagai lokasi untuk mencerap gerhana yang berlaku membolehkan data simulasi yang diperolehi adalah tepat dan kesan bayang adalah lebih tajam daripada normal. Data




cerapan gerhana ini juga boleh diperolehi daripada laman sesawang timeanddate.com dan xavierjubier.com.

Selain itu, bersempena dengan gerhana yang berlaku, pasukan JMNPP dan JUPEM turut melaksanakan solat sunat kusuf yang diketuai oleh Ustaz Jamil bin Nordin serta khutbah berkaitan gerhana matahari yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun. Program cerapan berakhir pada jam 5.00 petang.

Bengkel Pemuliharaan Manuskrip

Pulau Pinang - Bahagian Rujukan Maklumat telah menganjurkan Bengkel Pemuliharaan Manuskrip yang diadakan di Bilik Perpustakaan, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP). Bengkel ini telah berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 27 Julai 2020 hingga 28 Julai 2020. Bengkel Pemuliharaan Manuskrip ini merupakan antara program tahunan Bahagian Rujukan Maklumat.

Bengkel ini telah dipimpin oleh dua (2) orang fasilitator yang berpengalaman dalam bidang pemuliharaan dan baik pulih dokumen iaitu Encik Zainuddin bin Daud dan Encik Mohd Firdaus bin Mat Desa. Seramai lapan (8) orang kakitangan JMNPP dari setiap bahagian telah melibatkan diri dalam bengkel ini.



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambahkan kemahiran kakitangan JMNPP dan sebagai latihan kepada setiap peserta mengenai teknik pembaikan dan pemuliharaan manuskrip serta kitab-kitab lama dengan cara yang betul.

Wacana Falak

Pulau Pinang - Program Wacana Falak Tahun 2020 telah diadakan pada tanggal 18 Ogos 2020 Masihi bersamaan 28 Zulhijjah 1441 Hijrah yang bertempat di Digital Library, Pulau Pinang. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa, wacana ini diadakan dengan penyertaan yang terhad. Seramai 30 peserta telah hadir semasa sesi wacana berlangsung, namun wacana juga dapat ditonton secara atas talian melalui media sosial *facebook* JMNPP.

Seramai tiga (3) orang pembentang dijemput untuk menjayakan wacana pada tahun ini dengan tajuk pembentang yang berkisarkan kepada Taqwin. Mereka ialah

1. **Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz**
(AJK Falak Negeri Pulau Pinang)
Tajuk : Takwim Hijri Sejagat



2. **Puan Nurul Fatini binti Jaafar**
(Penyelidik Etno-Astronomi)
Tajuk : Kalendar Etnik Dari Perspektif Antropologi
Kebudayaan

3. **Ustaz Haji Hanafiah bin Abdul Razak**
(Panel Pakar Falak JAKIM)
Tajuk : Kamus Takwim Musim'

Sijil Asas Falak

Pulau Pinang - Program Siri Pengajian Sijil Asas Falak Tahun 2020 merupakan siri pengajian kali ke-3 selepas siri pertama yang dianjurkan pada tahun 2018. Pada sesi kali ini yang masih mengekalkan lima (5) siri telah diadakan di Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia dan Pusat Falak Sheikh Tahir. Program pada kali ini merupakan kerjasama antara Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia.

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa, program ini diadakan dengan penyertaan yang terhad. Seramai 54 peserta telah berjaya mendapat tempat setelah permohonan penyertaan dalam talian ditutup pada 10 September 2020. Namun program ini juga dapat ditonton secara atas talian melalui media sosial *facebook* JMNPP.

Modul bagi siri pertama Sijil Asas Falak yang berlansung pada 14 September 2020M telah membincangkan tentang 'Pengenalan Ilmu Falak' oleh Tuan Guru Haji Hanafiah bin Abdul Razak (Panel Pakar Falak JAKIM). Bagi siri kedua Sijil Asas Falak yang berlansung pada 15 September 2020M membincangkan 'Waktu Solat' yang disampaikan oleh Tuan Guru Haji HArdi bin Sadali (Pegawai Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor). Modul ketiga membincangkan 'Hilal dan Takwim' oleh Dr. Mohd Saiful Anwar bin Mohd Nawawi (Pensyarah Kanan Universiti Malaya) pada 18 September 2020.

Modul keempat membincangkan 'Gerhana Matahari dan Bulan' oleh Ustaz Mohammad Faizal bin Jani (Pegawai Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak) pada 21 September 2020. Pengajian siri terakhir bagi program ini berlansung pada 23 September 2020 membincangkan 'Arah Kiblat' oleh Ustaz Anuar bin Ariffin (Pembantu Hal Ehwal Islam (Kanan), Pejabat Agama Butterworth). Majlis perasmian program disempurnakan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor.



Seminar Kefatwaan Negeri Pulau Pinang

Permatang Pauh - Program Seminar Kefatwaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 telah diadakan pada tanggal 29 September 2020 Masihi bersamaan 11 Safar 1442 Hijrah yang bertempat di Dewan Besar, UiTM Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Program anjuran Bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang melibatkan seramai 600 peserta dengan pematuhan SOP yang ditetapkan seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



Seramai tiga (3) orang pembentang dijemput untuk menjayakan semiar pada tahun ini. Mereka ialah Tuan Haji Mohd Salmi bin Shaimi (AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang), Dr. Mohd Hapiz bin Mahaiyadin (AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang) dan Profesor Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad (Pensyarah Universiti Sains Malaysia).

Seminar dimulai dengan pembentangan bertajuk 'Panduan Solat Menggunakan Kerusi Disebabkan Keuzuran' oleh Tuan Haji Mohd Salmi bin Shaimi yang membincangkan perihal kaedah dan keadaan yang membolehkan seseorang itu solat secara duduk. Pembentangan kedua bertajuk 'Hukum Kebersihan Pakaian Bernajis Menggunakan Mesin Basuh' oleh Dr. Mohd Hapiz bin Mahaiyadin yang membincangkan perihal hukum pembersihan najis dan kaedah pembersihan najis secara khususnya. Pembentangan ketiga bertajuk 'Hukum Menyambut Perayaan Bukan Islam' oleh Profesor Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad yang membincangkan perihal hukum orang Islam dalam turut merayakan perayaan orang bukan Islam dengan tumpuan khusus kepada enam perayaan iaitu perayaan Tanglung, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pongal, Wesak dan Krismas.



Siti Nadiyah binti Mohamad Shukri
Pembantu Hal Ehwal Islam
nadiyahshukri86@penang.gov.my

SOALAN
Apakah hukum menghantar makanan atau barang-barang yang tidak halal?

JAWAPAN

Merujuk kepada soalan tersebut, rezeki yang halal datangnya dari jalan yang halal dan tidak syubhah. Walaupun tidak menjual namun terlibat dalam penghantaran makanan yang rata-ratanya adalah haram dan juga syubhah, maka wang yang diterima akan terkesan syubhah jua. Sabda Rasulullah ﷺ ;

عَنِ الثُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَالْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيهِ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ لِلَّهِ حِمَاهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ (رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: Daripada Abi Abdillah Nu'man bin Basyir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, dia berkata: Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana penggembala yang menggembala binatang gembalanya di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun binatang-binatang tersebut akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang Dia haramkan. Ketahuilah bahawa dalam diri ini terdapat segumpal daging, jika dia baik maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika dia buruk, maka buruklah seluruh tubuh; ketahuilah bahawa dia adalah hati.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, kami menasihatkan supaya mencari pekerjaan lain atau memilih untuk menghantar makanan atau produk yang jelas tidak mengandungi unsur-unsur syubhah atau sebarang keraguan seperti memilih HALAL FLEET sebagaimana yang ditawarkan dalam perkhidmatan grabfood. Lebihan wang yang telah diterima sebelum ini boleh diberikan kepada yang lebih memerlukan seperti membeli suatu barang kemudian di berikan dan disedekahkan kepada orang lain.

SOALAN
Bagaimana cara untuk mengenal pasti logo-logo halal luar negara?

JAWAPAN

Segala pujian bagi Allah ﷻ, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad ﷺ. Terima kasih atas persoalan yang diajukan. Dalam usaha mendapatkan barangan dan produk yang disahkan halal, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh setiap pihak sama ada pengguna, pengusaha mahupun pihak berkuasa. Penjelasaannya seperti berikut:

Pengguna tidak dinafikan, secara realitinya ia agak sukar untuk diamalkan kerana akses yang terbatas atau tiada sumber rujukan di tempat membeli-belah. Kesedaran masyarakat untuk mengambil peduli berkenaan logo-logo halal luar negara masih rendah.

Hal ini kerana sebahagian besar pengguna berasakan bahawa kewujudan dan logo halal pada produk sudah memadai sedangkan ia masih belum tentu diiktiraf oleh JAKIM atau sebaliknya. Meskipun produk halal dan berlogo halal bukanlah syarat wajib yang dikenakan ke atas pengusaha untuk dipasarkan kepada pengguna, namun kesedaran masyarakat terhadap produk halal semakin meningkat. Peningkatan kuantiti produk halal semakin bertambah di pasar raya mahupun kedai-kedai.

Meskipun begitu, masih ada sebilangan produk yang tidak disahkan halal atau menggunakan logo yang diragui keabsahannya. Senarai badan luar negara diiktiraf sebenarnya amat penting bagi semua pengguna Islam untuk mengetahui badan-badan Islam yang diiktiraf di seluruh negara. Ini dapat mengelakkan pengguna merasa ragu-ragu untuk membeli barangan atau memasuki premis-premis tertentu ketika berada di luar negara.

Pengetahuan mengenai logo-logo badan Islam yang diiktiraf di luar negara juga penting agar pengguna tidak keliru. Berikut merupakan senarai badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM di luar negara. Pengguna boleh menghubungi badan Islam yang diiktiraf atau menghubungi terus pihak JAKIM untuk maklumat lanjut.

Untuk mengenal pasti logo halal dari luar negara bolehlah merujuk link di bawah ini:

<http://www.halal.gov.my/ckfinder/userfiles/files/cb2/26072018%201%20JUNE%20%202018%20SENARAI%20CB%20TE RKINI.pdf>



Jasamu Dikenang & Tahniah



Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Norul Syafiqah binti Elies** (Pembantu Operasi-N11) yang kini bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia bermula pada 28 Jun 2020 di atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan kepada Jabatan ini.

Tahniah

Sekalung tahniah diucapkan kepada dua (2) orang pegawai ini yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 2 Oktober 2020 yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor.



Nama

Puan Farah Nur Aqilah
binti Abdul Rahim

Jawatan

Pembantu Tadbir
(Perkeranian Operasi)
(N19)



Nama

Encik Muhammad
bin Saleh

Jawatan

Pembantu
Hal Ehwal Islam
(S19)

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (ONLINE)

Portal JMNPP

<http://mufti.penang.gov.my>

Sistem e-Fatwa

<http://efatwa.penang.gov.my>

Sistem e-Kemusykilan

<http://ekemusykilan.penang.gov.my>

MEDIA SOSIAL

Facebook

@muftipulaupinang



Youtube

Jabatan Mufti Pulau Pinang

